

ATRIBUT GRADUAN UTM BAHARU

*Diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Dasar & Entiti Akademik
pada 4 Disember 2016*

ATRIBUT GRADUAN UTM (2016)

1. Kemahiran berkomunikasi (*communication skills*)
2. Kemahiran berfikir (*thinking skills*)
3. Kesarjanaan (*scholarship*)
4. Kemahiran kerja berpasukan dan kepimpinan (*teamworking & leadership skills*)
5. Kebolehsesuaian (*adaptability*)
6. Warga global (*global citizen*)
7. Kemahiran berdaya usaha (*enterprise skills*)

PERBANDINGAN ANTARA ATRIBUT GRADUAN UTM (EDISI 2016) DENGAN ATRIBUT GRADUAN UTM (EDISI 2007)



BIL.	ATRIBUT GRADUAN UTM (EDISI 2016)	ATRIBUT GRADUAN UTM (EDISI 2007)
1.	Communicating Skills	Communication Skills
2.	Thinking Skills	Critical Thinking and Problem Solving Skills
3.	Scholarship *	Lifelong Learning and Information Management Skills **
4.	Teamworking & Leadership Skills	Teamworking Skills
5.	Adaptability	Leadership Skills **
6.	Global Citizen *	Ethics and Integrity **
7.	Enterprising Skills	Entrepreneurship Skills

* - atribut baharu

** - atribut digugurkan dan diserapkan ke dalam atribut sedia ada

KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

Kod	Keterangan
CS1	Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara bertulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris
CS2	Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dalam bahasa Melayu dan Inggeris
CS3	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas.
CS4	Kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.
CS5	Kebolehan menggunakan pelbagai alat multimedia dalam pembentangan.
CS6	Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan.
CS7	Kebolehan berkomunikasi dengan mereka yang mempunyai budaya dan latar belakang berlainan.
CS8	Kebolehan berinteraksi dengan menggunakan bahasa ketiga. (Kebolehan menggunakan kemahiran bahasa ketiga dalam komunikasi seharian)

KEMAHIRAN BERFIKIR

Kod	Keterangan
TH1	Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi.
TH2	Kebolehan mengembangkan dan mengolah idea dalam perbincangan.
TH3	Kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif secara kreatif.
TH4	Kebolehan berfikir melangkaui paradigma (<i>outside the box</i>).
TH5	Kebolehan berfikir secara kritis.
TH6	Kebolehan berfikir secara holistik dan sistematik.

KESARJANAAN

Kod	Keterangan
SC1	Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.
SC2	Kebolehan menerima idea baharu dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi.
SC3	Kebolehan mengembangkan minda ingin tahu dan dahagakan ilmu.
SC4	Kebolehan menggunakan kaedah penyelidikan yang sistematik

KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN & KEPIMPINAN

Kod	Keterangan
TW1	Kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerjasama untuk mencapai objektif kumpulan.
TW2	Kebolehan memimpin dan mempengaruhi ahli kumpulan bagi menyelesaikan tugas yang diberi.
TW3	Kebolehan mengenali serta menghormati pandangan, sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.
TW4	Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.

KEBOLEHSESUAIAN

Kod	Keterangan
AD1	Kebolehan menyesuaikan diri dengan budaya dan persekitaran baharu.
AD2	Kebolehan mengenal pasti potensi diri dan persekitaran untuk penambahbaikan.
AD3	Kebolehan menyesuaikan penyelesaian yang diketahui dalam situasi baharu.
AD4	Kebolehan memulakan dan melaksanakan perubahan.
AD5	Kebolehan bekerja secara berkesan dalam suasana yang mencabar.

WARGA GLOBAL

Kod	Keterangan
GC1	Mengetahui isu kontemporari dunia sejagat.
GC2	Kebolehan mengamalkan sikap beretika dalam penyelesaian masalah dan hubungan dengan masyarakat.
GC3	Kebolehan mengamalkan sikap profesionalisme dalam melaksanakan tugas.
GC4	Kebolehan memahami kesan sosiobudaya, ekonomi, politik dan alam sekitar dalam amalan profesional.
GC5	Mengutamakan prinsip kelestarian dalam tindakan dan membuat keputusan.

KEMAHIRAN BERDAYA USAHA

Kod	Keterangan
BU1	Kebolehan mengenal pasti peluang (termasuk perniagaan).
BU2	Kebolehan mengguna kaedah inovatif dalam menangani isu dihadapi.
BU3	Berani mengambil risiko.
BU4	Kebolehan menggunakan minda keusahawanan dalam menangani permasalahan.
BU5	Berfokus dan tidak mudah putus asa.
BU6	Kebolehan untuk bertindak secara efektif dan imaginatif dalam suasana yang sukar.

*Sekian...
terima kasih*

**PEJABAT PENGAJIAN PRASISWAZAH (UGS)
DISEMBER 2016**